Soalan 657

Soalan 658

Soalan 659

Soalan 660

Soalan 661

Soalan 662

Soalan 663

Soalan 664

Soalan 665

Soalan 666

Soalan 667

Soalan 668

Soalan 669

Soalan 670

Soalan 671

Soalan 672

Soalan 673

Soalan 674

Soalan 675

Soalan 676

Soalan 677

Soalan 678

Soalan 679

Soalan 680

Soalan 681

Soalan 682

Soalan 683

Soalan 684

Soalan 685

Soalan 686

Soalan 687

Soalan 688

Soalan 689

Soalan 690

Soalan 691

Soalan 692

HUBUNGI WAKIL PELANGI

PERKHIDMATAN & SOKONGAN

KAWASAN	NOMBOR TELEFON
Utara Semenanjung	012-4983343
Perlis / Kedah	012-4853343
Pulau Pinang	012-4923343
Perak	012-5230133 / 019-6543257
Wilayah Tengah Semenanjung	012-3293433
	012-7800533
	012-7072733
	012-3297633
	019-3482987
Selatan & Pantai Timur Semenanjung	012-7998933
Negeri Sembilan / Melaka	010-2432623
Johor	012-7028933
Pahang / Terengganu	012-9853933
Kelantan	012-9863933
Malaysia Timur	012-8889433
Kuching / Sarikei	012-8839633
Sibu / Bintulu / Miri	012-8052733
Sabah	012-8886133



Bangi
Wisma Pelangi, Lot 8, Jalan P10/10,
Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor.

Johor Bahru
66, Jalan Pingai, Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru, Johor.

E-MEL KHIDMAT PELANGGAN PELANGI

service1@pelangibooks.com



**PRODUK, PROMOSI PERKHIDMATAN
& PROGRAM PELANGI TERKINI**



PelangiPublishing



PelangiBooks



PelangiBooks

KANDUNGAN

Rekod Pentaksiran Murid
Bahasa Melayu Tingkatan 2

v – viii

DDD TEMA 1: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN ——

UNIT 1 Anda Sihat Anda Ceria 1

eP+
Praktis Audio

UNIT 2 Kebersihan Lambang Keperibadian 3

PAK-21

DDD TEMA 2: MENIMBA ILMU ——

UNIT 3 Indahnya Menuntut Ilmu 5

I-THINK
Kuiz Cetus Idea

UNIT 4 Ilmu Penyuluh Hidup 7

eP+
Praktis Audio

DDD TEMA 3: KERJAYA KE MERCU IMPIAN ——

UNIT 5 Cita-cita Setinggi Bintang 9

UNIT 6 Budi Disemai, Bakti Dituai 11

eP+
Praktis PAK-21

DDD TEMA 4: INTEGRITI AMALAN KITA ——

UNIT 7 Remaja Berintegriti 13

eP+
Pendidikan Sivik PAK-21 Audio

UNIT 8 Integrasi Teras Kehidupan 15

eP+
Praktis PAK-21 Kuiz

DDD TEMA 5: BAHASA DAN SASTERA ——

UNIT 9 Bahasaku di Persada Dunia 17

eP+
Nota Praktis Kuiz

UNIT 10 Indah Sastera, Cantik Bahasa 19

eP+
Nota

DDD TEMA 6: TELADANI SEJARAH HARGAI WARISAN ——

UNIT 11 Sejarah Kita 21

eP+
Praktis

UNIT 12 Pusaka Tanah Air 23

i
Info

DDD TEMA 7: INDAH SENI GAH BUDAYA ——

UNIT 13 Warna-warni Budaya 25

Audio

UNIT 14 Segalanya Bermula di Sini 27

eP+
Praktis Audio

DDD TEMA 8: UTAMAKAN KESELAMATAN ——

UNIT 15 Keselamatan Diri 29

eP+
Praktis

UNIT 16 Anda Prihatin, Anda Selamat 31

eP+
Keselamatan Jalan Raya

▷▷▷ **TEMA 9: SUKAN DAN REKREASI**

UNIT 17

Sukan Milik Semua

33



UNIT 18

Seronoknya Beriadah

35

51

▷▷▷ **TEMA 10: PERPADUAN**

UNIT 19

Kenali Malaysia

37



UNIT 20

Cintai Malaysia

39



▷▷▷ **TEMA 11: PERPADUAN**

UNIT 21

Indahnya Ukhuhah

41



UNIT 22

Teras Keharmonian

43



▷▷▷ **TEMA 12: NEGARAKU JATI DIRIKU**

UNIT 23

Semarak Negara

45



UNIT 24

Hayati Rukun Negara

47



▷▷▷ **TEMA 13: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**

UNIT 25

Ekonomi dan Perniagaan

49



UNIT 26

Bijak Wang

51

▷▷▷ **TEMA 14: BERBUDI KEPADA ALAM**

UNIT 27

Suburnya Bumiku

53

Audio Info

UNIT 28

Di Tanah dan di Air

55



▷▷▷ **TEMA 15: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

UNIT 29

Hebatnya Teknologi

57



UNIT 30

Dunia Kreativiti

59



▷▷▷ **TEMA 16: PELESTARIAN ALAM**

UNIT 31

Dunia Hanya Pinjaman

61



UNIT 32

Buana Menguntum Senyum

69



▷▷▷ **TEMA 17: ERA BAHARU INDUSTRI**

UNIT 33

Industri Berdaya Saing

65



UNIT 34

Industri Berdaya Maju

67



▷▷▷ **TEMA 18: PENTADBIRAN DAN POLITIK**

UNIT 35	Patriot Bangsa	69
----------------	-----------------------	-----------

eP+
Nota i-THINK

UNIT 36	Pemimpin Berjasa, Negara Berjaya	71
----------------	---	-----------

eP+
Praktis i-THINK

JOM ULANG KAJI	73
-----------------------	-----------

MODUL UASA

▷▷▷ PRAKTIS UASA 1	76
---------------------------	-----------

eP+ Nota eP+ Praktis eP+ Peta Konsep Tutorial Video

SISTEM BAHASA	76
• Kata Ganti Nama Diri	76
• Kata Kerja	77
• Kata Adjektif	78
• Kata Tanya	79
• Kata Sendi Nama	80
• Kata Hubung	81
• Kata Bantu dan Kata Nafi	82
• Kata Bilangan	83
• Kata Seru dan Kata Perintah	84
• Kata Majmuk	85
• Kata Ganda	86
• Frasa	88
• Jenis-jenis Ayat	89
• Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk	90
• Ragam Ayat	91
• Pola Ayat Dasar	92
• Cakap Ajuk dan Cakap Pindah	93
• Peribahasa	94

▷▷▷ PRAKTIS UASA 2	96
---------------------------	-----------

eP+ Praktis Tutorial Cetus Idea

PEMAHAMAN	96
------------------	-----------

Bahagian A	
• Pemahaman Petikan	96

Bahagian B	
• Pemahaman Petikan	110
• Novel	115

▷▷▷ **PRAKTIS UASA 3**

117

eP+ Nota eP+ Praktis Tutorial i-THINK Info

PEMINDAHAN MAKLUMAT	117
----------------------------	------------

Bahagian C	
• Ringkasan	117
– Model Ringkasan	117
• Rumusan	118
– Model Rumusan	118
Praktis	119

▷▷▷ **PRAKTIS UASA 4**

124

eP+ Nota Tutorial Video i-THINK Info

KARANGAN	124
-----------------	------------

Bahagian A	
• Karangan Respons Terhad	124
– Model Karangan Respons Terhad	124

Praktis	125
----------------	------------

Bahagian B	
• Karangan Respons Terbuka	127
– Model Karangan Respons Terbuka	128
A Karangan Surat Kiriman Rasmi	130
B Karangan Surat Kiriman Tidak Rasmi	131
C Karangan Laporan	132
D Karangan Perbahasan	133
E Karangan Ucapan/Syarahan/Ceramah	134
F Karangan Dialog/Temu Ramah/Wawancara	135
G Karangan Berita	136
H Karangan Perbincangan/Pendapat	137
I Karangan Keperihalan/Gambaran	138
J Karangan Fakta	139
K Karangan Peribahasa	140

Praktis	142
----------------	------------

Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)	143
---	------------

▷▷▷ **UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)**

<https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT2/UPSA.pdf>



▷▷▷ **JAWAPAN**

<https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT2/Jawapan.pdf>



▷▷▷ **NOTA GRAFIK KOMSAS**

<https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT2/NGKOMSAS.pdf>



REKOD PENTAKSIRAN MURID

BAHASA MELAYU

Tingkatan 2

Nama:

Tingkatan:

UNIT	KEMAHIRAN	STANDARD PEMBELAJARAN	HALAMAN	TAHAP PENGUASAAN
1 ANDA SIHAT ANDA CERIA	Mendengar dan Bertutur	1.1.1 Mendengar, mengenal pasti, dan menyebut perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat.	1	
	Membaca	2.1.1 Membaca surat kiriman rasmi, surat kiriman tidak rasmi, dan teks pengacaraan dengan sebutan dan intonasi yang betul serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat.	2	
2 KEBERSIHAN LAMBANG KEPERIBADIAN	Membaca	2.1.2 Membaca syair dan sajak secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat.	3	
	Aspek Tatabahasa	5.1.1 Memahami dan menggunakan kata ganti nama dan akronim dengan tepat mengikut konteks.	4	
3 INDAHNYA MENUNTUT ILMU	Membaca	2.2.1 Membaca untuk memahami makna rangkai kata yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat.	5	
	Aspek Tatabahasa	5.1.2 Memahami dan menggunakan kata adjektif jarak, pancaindera, ukuran, dan sifatan dengan betul mengikut konteks.	6	
4 ILMU PENYULUH HIDUP	Mendengar dan Bertutur	1.2.1 Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan serta menggunakananya dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks secara bertatasusila.	7	
	Menulis	3.3.1 Menulis untuk melengkapkan perenggan dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat.	8	
5 CITA-CITA SETINGGI BINTANG	Membaca	2.2.3 Membaca secara luncuran dan imbasan untuk memahami serta meneroka maksud keseluruhan daripada pelbagai bahan.	9	
	Menulis	3.4.1 Membina kerangka karangan dalam bentuk grafik secara terancang.	10	
6 BUDI DISEMAI, BAKTI DITUAI	Membaca	2.1.2 Membaca syair dan sajak secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat.	11	
	Menulis	3.4.2 Menulis perenggan isi dengan membina pelbagai ayat topik, ayat huraihan, ayat contoh, dan ayat penegas.	12	
7 REMAJA BERINTEGRITI	Mendengar dan Bertutur	1.3.1 Mendengar dan mengenal pasti maklumat dalam pelbagai wacana dengan memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat, dan bermakna.	13	
	Aspek Seni Bahasa	4.4.1 Mempersembahkan karya prosa secara kreatif.	14	
8 INTEGRASI TERAS KEHIDUPAN	Membaca	2.3.1 Membaca untuk mengenal pasti idea utama dan idea sampingan dengan betul dan tepat.	15	
	Aspek Tatabahasa	5.1.3 Memahami dan menggunakan kata prafrasa iaitu, kata bantu, kata penguat, kata penegas, kata nafi, kata pemeri, kata arah, dan kata bilangan serta kata pascakata iaitu kata penekanan dan kata pembenda dengan betul mengikut konteks.	16	

UNIT	KEMAHIRAN	STANDARD PEMBELAJARAN		HALAMAN	TAHAP PENGUASAAN
9 BAHASAKU DI PERSADA DUNIA	Mendengar dan Bertutur	1.4.1 Berbual dengan menerangkan sesuatu isu yang berkaitan komuniti menggunakan sebutan yang betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.		17	
	Aspek Tatabahasa	5.4.1 Memahami dan menggunakan pelbagai frasa adjektif dengan betul dan tepat mengikut konteks.		18	
10 INDAH SASTERA, CANTIK BAHASA	Mendengar dan Bertutur	1.4.2 Berbicara untuk memohon dan memberi kemaafan terhadap seseorang dalam situasi formal secara bertatasusila.		19	
	Menulis	3.6.1 Menulis dan mengolah maklumat daripada bahan dialog dan bahan prosa kepada puisi menggunakan ayat yang gramatis.		20	
11 SEJARAH KITA	Membaca	2.1.1 Membaca surat kiriman rasmi, surat kiriman tidak rasmi, dan teks pengacaraan dengan sebutan dan intonasi yang betul serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat.		21	
	Aspek Tatabahasa	5.3.1 Memahami dan menggunakan apitan bagi kata nama dengan betul mengikut konteks.		22	
12 PUSAKA TANAH AIR	Menulis	3.7.1 Mengedit ejaan, tanda baca, dan kesalahan nahu yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud asal dalam perenggan.		23	
	Aspek Seni Bahasa	4.3.2 Menghasilkan sajak daripada bahan rangsangan dan tema yang diberi berdasarkan pengalaman murid secara kreatif.		24	
13 WARNA-WARNI BUDAYA	Mendengar dan Bertutur	1.3.1 Mendengar dan mengenal pasti maklumat dalam pelbagai wacana dengan memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat, dan bermakna.		25	
	Aspek Tatabahasa	5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja transitif dengan betul mengikut konteks.		26	
14 SEGALANYA BERMULA DI SINI	Mendengar dan Bertutur	1.5.2 Memberikan jawapan dengan pelbagai penyelesaian masalah tentang sesuatu perkara dengan betul, tepat, dan secara bertatasusila.		27	
	Menulis	3.7.1 Mengedit ejaan, tanda baca, dan kesalahan nahu yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud asal dalam perenggan.		28	
15 KESELAMATAN DIRI	Mendengar dan Bertutur	1.5.3 Bersoal jawab dengan menggunakan soalan bercaphap dalam perbincangan dan memberikan jawapan yang sesuai dan betul secara bertatasusila.		29	
	Menulis	3.4.2 Menulis perenggan isi dengan membina pelbagai ayat topik, ayat huraihan, ayat contoh, dan ayat penegas secara terancang.		30	
16 ANDA PRIHATIN, ANDA SELAMAT	Mendengar dan Bertutur	1.6.1 Menyaring dan menyampaikan maklumat yang tepat dan menggunakan ayat yang gramatis.		31	
	Menulis	3.5.1 Menulis ringkasan dan merumus pelbagai bahan prosa dengan betul menggunakan ayat yang gramatis.		32	
17 SUKAN MILIK SEMUA	Mendengar dan Bertutur	1.6.2 Menjana dan menyampaikan maklumat dalam bentuk panduan dan pesanan dengan betul dan jelas, intonasi yang sesuai dan berkesan menggunakan ayat yang gramatis.		33	
	Membaca	2.3.1 Membaca untuk mengenal pasti idea utama dan idea sampingan dengan betul dan tepat.		34	

UNIT	KEMAHIRAN	STANDARD PEMBELAJARAN	HALAMAN	TAHAP PENGUASAAN
18 SERONOKNYA BERIADAH	Mendengar dan Bertutur	1.7.1 Berbincang tentang sesuatu perkara untuk memberikan dan mendapatkan penjelasan secara rasional dengan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.	35	
	Membaca	2.4.1 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meneroka maklumat baharu.	36	
19 KENALI MALAYSIA	Membaca	2.2.2 Membaca untuk memahami dan menaakul maklumat berbentuk pesanan daripada pelbagai bahan dengan memberikan respons yang betul.	37	
	Aspek Tatabahasa	5.6.1 Menganalisis dan membetulkan kesalahan kata dan frasa dalam sesuatu ayat.	38	
20 CINTAI MALAYSIA	Membaca	2.2.3 Membaca secara luncuran dan imbasan untuk memahami serta meneroka maksud keseluruhan daripada pelbagai bahan.	39	
	Kemahiran Menulis	3.7.1 Mengedit ejaan, tanda baca, dan kesalahan nahu yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud asal dalam perenggan.	40	
21 INDAHNYA UKHUWAH	Mendengar dan Bertutur	1.8.2 Mengulas bahan grafik dengan menyatakan maklumat tersurat dan tersirat dengan jelas dan bernas menggunakan ayat yang gramatis.	41	
	Membaca	2.2.2 Membaca untuk memahami dan menaakul maklumat berbentuk pesanan daripada pelbagai bahan dengan memberikan respons yang betul.	42	
22 TERAS KEHARMONIAN	Menulis	3.4.4 Menulis karangan menggunakan ejaan yang betul dan bahasa yang tepat, indah, serta menarik.	43	
	Aspek Tatabahasa	5.6.1 Menganalisis dan membetulkan kesalahan kata dan frasa dalam sesuatu ayat.	44	
23 SEMARAK NEGARA	Mendengar dan Bertutur	1.4.1 Berbual dengan menerangkan sesuatu isu yang berkaitan dengan komuniti menggunakan sebutan yang betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.	45	
	Aspek Tatabahasa	5.5.1 Memahami dan membina ayat tunggal dan jenis ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks.	46	
24 HAYATI RUKUN NEGARA	Mendengar dan Bertutur	1.3.1 Mendengar dan mengenal pasti maklumat dalam pelbagai wacana dengan memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat, dan bermakna.	47	
	Aspek Seni Bahasa	4.4.3 Mempersembahkan iklan dan promosi melalui teknik yang menarik dan berkesan.	48	
25 EKONOMI DAN PERNIAGAAN	Membaca	2.1.1 Membaca surat kiriman rasmi, surat kiriman tidak rasmi, dan teks pengacaraan dengan sebutan dan intonasi yang betul serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat.	49	
	Menulis	3.4.2 Menulis perenggan isi dengan membina pelbagai ayat topik, ayat huraihan, ayat contoh, dan ayat penegas secara terancang.	50	
26 BIJAK WANG	Mendengar dan Bertutur	1.3.1 Mendengar dan mengenal pasti maklumat dalam pelbagai wacana dengan memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat, dan bermakna.	51	
	Menulis	3.4.1 Membina kerangka karangan dalam bentuk grafik secara terancang.	52	
27 SUBURNYA BUMIKU	Mendengar dan Bertutur	1.4.1 Berbual dengan menerangkan sesuatu isu yang berkaitan komuniti menggunakan sebutan yang betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.	53	
	Membaca	2.3.1 Membaca untuk mengenal pasti idea utama dan idea sampingan dengan betul dan tepat.	54	

UNIT	KEMAHIRAN	STANDARD PEMBELAJARAN		HALAMAN	TAHAP PENGUASAAN
28 DI TANAH DAN DI AIR	Menulis	3.4.3	Menulis perenggan pendahuluan dan kesimpulan karangan menggunakan bahasa yang gramatis.	55	
	Aspek Tatabahasa	5.1.2	Memahami dan menggunakan kata adjektif jarak, pancaindera, ukuran, dan sifatan dengan betul mengikut konteks.	56	
29 HEBATNYA TEKNOLOGI	Mendengar dan Bertutur	1.7.1	Berbincang tentang sesuatu perkara untuk memberikan dan mendapatkan penjelasan secara rasional dengan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.	57	
	Menulis	3.7.1	Mengedit ejaan, tanda baca, dan kesalahan nahu yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud asal dalam perenggan.	58	
30 DUNIA KREATIVITI	Membaca	2.2.2	Membaca untuk memahami dan menaakul maklumat berbentuk pesanan daripada pelbagai bahan dengan memberikan respons yang betul.	59	
	Aspek Seni Bahasa	4.3.2	Menghasilkan sajak daripada bahan rangsangan dan tema yang diberikan berdasarkan pengalaman murid secara kreatif.	60	
31 DUNIA HANYA PINJAMAN	Mendengar dan Bertutur	1.5.2	Memberikan jawapan dengan pelbagai penyelesaian masalah tentang sesuatu perkara dengan betul, tepat, dan secara bertatasusila.	61	
	Membaca	2.2.2	Membaca untuk memahami dan menaakul maklumat berbentuk pesanan daripada pelbagai bahan dengan memberikan respons yang betul.	62	
32 BUANA MENGUNTUM SENYUM	Membaca	2.2.1	Membaca untuk memahami makna rangkai kata yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat.	63	
	Menulis	3.4.4	Menulis karangan menggunakan ejaan yang betul dan bahasa yang tepat, indah, serta menarik.	64	
33 INDUSTRI BERDAYA SAING	Mendengar dan Bertutur	1.7.1	Berbincang tentang sesuatu perkara untuk memberikan dan mendapatkan penjelasan secara rasional dengan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.	65	
	Membaca	2.3.1	Membaca untuk mengenal pasti idea utama dan idea sampingan dengan betul dan tepat.	66	
34 INDUSTRI BERDAYA MAJU	Menulis	3.4.2	Menulis perenggan isi dengan membina pelbagai ayat topik, ayat huraihan, ayat contoh, dan ayat peneges secara terancang.	67	
	Aspek Seni Bahasa	4.4.2	Mempersembahkan pantun dengan sebutan, intonasi, dan nada secara kreatif.	68	
35 PATRIOT BANGSA	Mendengar dan Bertutur	1.3.2	Mengulas bahan grafik dengan menyatakan maklumat tersurat dan tersirat dengan jelas dan bernas menggunakan ayat yang gramatis.	69	
	Menulis	3.4.2	Membina kerangka karangan dalam bentuk grafik secara terancang.	70	
36 PEMIMPIN BERJASA, NEGARA BERJAYA	Mendengar dan Bertutur	1.8.2	Mengulas bahan grafik dengan menyatakan maklumat tersurat dan tersirat dengan jelas dan bernas menggunakan ayat yang gramatis.	71	
	Menulis	3.2.1	Menulis untuk menyatakan maklumat yang betul dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada daripada pelbagai sumber menggunakan ayat yang gramatis.	72	

UNIT 1

MODUL PBD

TEMA 1: Kesihatan dan Kebersihan

Anda Sihat Anda Ceria

Buku Teks: m.s. 1 – 6



KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

TRACK 1



Dengar perbualan. Kemudian, lengkapkan perbualan dengan perkataan, rangkai kata, istilah, atau dan ungkapan yang betul dan sebut. SP 1.1.1

Tema 1

PRAKTIS EKSTRA
eP+

Selamat petang. Boleh saya bercakap dengan Fatimah?

Hai, Fatimah! Saya Jessica. Sudah tiga hari kamu tidak ke sekolah. Adakah kamu tidak sihat?

Adakah kamu sudah pergi ke klinik? Apakah yang diberitahu oleh doktor?

Apakah simptom-simptom seseorang dijangkiti virus influenza, Fatimah?

Bagaimanakah cara untuk mencegah jangkitan virus ini?

Kamu harus makan ubat agar cepat sembah. Rakan-rakan menanti kehadiran kamu di sekolah setelah sembah nanti.

Selamat petang. Ya, Fatimah di sini.


Hai, Jessica! Ya, saya mengalami demam, sakit tekak, batuk, dan sakit kepala.

Ya, saya sudah pergi ke klinik. Doktor menyatakan saya dijangkiti virus influenza. Oleh itu, saya perlu berehat di rumah selama beberapa hari.

Antara simptom seseorang dijangkiti virus influenza termasuklah demam, letih lesu, sakit otot atau sendi, batuk, hidung berair, sakit tekak, dan sakit kepala.

Selain pengambilan vaksin, virus ini boleh dicegah dengan cara kerap mencuci tangan, mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul serta memakai pelitup muka.

Terima kasih, Jessica.





Baca surat kiriman rasmi dengan sebutan dan intonasi yang betul. Kemudian, lengkapkan tempat kosong dengan maklumat yang tepat. **SP**

2.1.1

Pusat Kesihatan Daerah Barat Daya,
11000 Balik Pulau,
Pulau Pinang.

Pengetua,
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mentari,
KM 5, Jalan Balik Pulau,
11000 Balik Pulau,
Pulau Pinang.

12 MAC 2025

Tuan,

Minggu Sihat Daerah Barat Daya

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya akan mengadakan **saringan** kesihatan kepada warga Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mentari bersempena dengan Minggu Sihat Daerah Barat Daya pada minggu hadapan. Minggu Sihat ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada murid-murid dan warga sekolah supaya **cakna** penjagaan kesihatan diri.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin memohon kebenaran untuk mengadakan program saringan kesihatan, pemeriksaan gigi, dan pameran kesihatan di sekolah tuan. Butiran program adalah seperti yang berikut:

Tarikh: 19 Mac 2025 (Rabu)

Masa: 9:00 pagi hingga 3:00 petang

Tempat: Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mentari

3. Semoga pihak tuan dapat memberikan maklum balas terhadap permohonan ini dalam masa yang terdekat. Semoga permohonan ini dapat diluluskan. Warga Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mentari dijemput untuk sama-sama menyertai program yang dijalankan pada hari tersebut.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

Hafizah

(HAFIZAH BINTI SALIM)

Pembantu Pegawai Kesihatan,

Pusat Kesihatan Daerah Barat Daya.

 GLOSARI

- **saringan** – penelitian
- **cakna** – ambil peduli; ambil berat

Nama program:

Minggu Sihat Daerah Barat Daya

Aktiviti yang dijalankan:

Program saringan kesihatan, pemeriksaan gigi, dan pameran kesihatan

Jemputan:

Warga Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mentari

Kebaikan pemeriksaan kesihatan:

Antara kebaikan pemeriksaan kesihatan ialah kita dapat mengetahui tahap kesihatan diri. Selain itu, kita dapat mengesan penyakit lebih awal supaya rawatan segera dapat diberikan. Seterusnya, pemeriksaan kesihatan dapat memberikan kesedaran kepada kita untuk menjaga kesihatan dengan baiknya.

Kebersihan Lambang Keperibadian

Buku Teks: m.s. 7 – 13



KEMAHIRAN MEMBACA

TP

Baca syair dengan sebutan dan intonasi yang betul. Kemudian, berikan maksud setiap rangkap syair tersebut. SP 2.1.2

Syair Bersihkan Diri dan Persekutaran

Dengarlah sahabat, rakan, dan taulan,
Teguran ini jadikan panduan,
Jaga diri jaga kesihatan,
Mulakan dengan amalan kebersihan.

Kita hendaklah menjadikan teguran sebagai pedoman. Amalan penjagaan kebersihan amat penting untuk menjaga kesihatan diri.

Mandi dapat bersihkan diri,
Kuman di badan akan lari,
Pakaian yang elok pula dicari,
Tampak kemas, ceria, berseri.

Mandi dapat membersihkan diri kita daripada kotoran dan kuman.
Pakaian yang bersih yang kita pakai pula dapat meningkatkan keterampilan diri kita.

Tempat tidur yang tidak berkemas,
Membuatkan kita berasa rimas,
Ibu pula menjadi gemas,
Akhirnya diri kita yang cemas.

Tempat tidur hendaklah dikemas supaya kita berasa selesa. Dengan itu, ibu tidak akan marah sehingga membuatkan kita berasa cemas.

Jangan lupa mengambil sarapan,
Makanan berkhasiat tiada kuman,
Tangan dicuci sebelum makan,
Badan pun sihat luaran dalaman.

Kita hendaklah mengambil sarapan yang berkhasiat setiap hari.
Kita juga perlulah memastikan tangan dalam keadaan bersih sebelum makan bagi menjaga kesihatan diri.

Bersihkan diri dan persekitaran,
Bersihkan juga akal fikiran,
Elakkan stres elakkan tekanan,
Hidup berkualiti dan berwawasan.

Selain diri dan persekitaran yang bersih, kita juga perlu memastikan kebersihan fikiran. Kita wajar mengelakkan stres dan tekanan untuk memastikan hidup yang berkualiti dan berwawasan.



AKTIVITI PAK-21 ▶ NYANYIAN



1. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta untuk mendendangkan kelima-lima rangkap syair tersebut.
3. Persembahan hendaklah dilakukan di hadapan kelas.
4. Persembahan setiap kumpulan akan dinilai oleh guru.



NOTA EKSPRES

Kata Ganti Nama Diri


Kata ganti nama diri ialah perkataan yang digunakan untuk menggantikan nama orang. Kata ganti nama diri terbahagi kepada:

- (a) **Kata ganti nama diri orang pertama**, iaitu untuk menggantikan nama orang yang bercakap – *saya, aku, beta, patik, hamba*
- (b) **Kata ganti nama diri orang kedua**, iaitu untuk

nama orang yang diajak bercakap – *awak, kamu, anda, engkau, kalian*

- (c) **Kata ganti nama diri orang ketiga**, iaitu untuk menggantikan orang yang dibualkan – *dia, ia, beliau, baginda, mereka, -nya*
- (d) **Kata ganti nama diri tanya**, iaitu untuk menanyakan hal benda, perkara, atau manusia – *apa, mana, siapa*

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, gariskan kata ganti nama diri terdapat dalam petikan tersebut dan bina ayat. **SP**
5.1.1



Azrul hendak membersihkan halaman rumahnya. Halaman rumahnya sudah beberapa hari tidak dibersihkan. Semasa dia menyapu daun-daun kering, dia ternampak akan rakan-rakannya yang lalu di hadapan rumahnya.

"Alif, Haikal, dan Hanif! Kalian hendak ke mana?" tanya Azrul.

"Kami hendak ke sekolah. Semua ahli Persatuan Sejarah wajib menghadiri perjumpaan pada petang ini," jawab Alif.

"Apakah yang sedang kamu lakukan?" tanya Hanif.

"Saya sedang membersihkan halaman rumah," jawab Azrul.

"Wah, rajinnya kamu! Baiklah, kami pergi ke sekolah dahulu," kata Haikal.

Alif, Haikal, dan Hanif berlalu pergi. Azrul menyambung tugasnya semula. Dia memasukkan daun-daun kering yang dikumpulkannya itu ke dalam plastik sampah.

1. Oleh sebab Azli lewat tiba di sekolah, **dia** didenda oleh guru disiplin.
2. "Bilakah **kalian** akan ke rumah **saya**?" tanya Husna kepada empat orang rakannya.
3. "**Kami** perlu menyiapkan kerja sekolah malam ini," kata Erni dan Aina kepada ibu mereka.
4. "**Kamu** mesti menyiapkan tugasan itu malam ini," kata Amina kepada Umaira.
5. "**Saya** murid baharu di sekolah ini," kata Amirul kepada Hanif.

UNIT 3

MODUL PBD

TEMA 2: Menimba Ilmu

Indahnya Menuntut Ilmu

Buku Teks: m.s. 14 – 20



KEMAHIRAN MEMBACA

TP

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan berikan makna rangkai kata yang bercetak tebal. **SP 2.2.1**

Pendidikan merupakan bidang yang dinamik dan sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman. Abad ke-21 menunjukkan **anjakan paradigma** dalam pendidikan dengan penggunaan teknologi digital secara meluas. Teknologi digital merangkumi penggunaan pelbagai peranti, aplikasi, dan platform yang membolehkan pemprosesan, penyimpanan, dan pertukaran maklumat secara elektronik.

Penggunaan **peranti digital** dalam pembelajaran memberikan kemudahan kepada murid untuk mengakses maklumat dan sumber pembelajaran secara meluas. Pada masa ini, medium seperti e-buku membolehkan murid mengakses pelbagai e-buku melalui peranti digital seperti telefon pintar, tablet, atau komputer. E-buku mempunyai kelebihan seperti pencarian, penanda halaman elektronik, dan pengaturan ukuran teks yang dapat disesuaikan. Melalui **perpustakaan digital** dan platform e-buku, murid mudah memperoleh sumber pembelajaran secara meluas tanpa bergantung pada **buku bercetak**.

Selain itu, peranti digital juga membenarkan murid mengakses bahan pembelajaran secara dalam talian. Melalui pangkalan data bahan akademik, murid dapat mencari, membaca, dan memuat turun **bahan pembelajaran** dengan mudahnya. Hal ini juga dapat memberikan kemudahan kepada mereka untuk mengakses bahan pembelajaran terkini.

Akses mudah ini membolehkan murid mendalami dan mengintegrasikan pengetahuan terkini dalam pembelajaran mereka. Melalui peranti digital juga, murid dapat menggunakan **aplikasi video** pembelajaran seperti saluran YouTube pendidikan atau sumber video pendidikan. Murid boleh mengakses nota pembelajaran, tutorial, pembentangan, dan video pembelajaran lain yang disampaikan oleh guru mereka.

Rangkai Kata	Makna
1. anjakan paradigma	Peralihan atau perubahan daripada sesuatu keadaan atau lingkungan fikiran kepada keadaan atau lingkungan fikiran yang baru.
2. peranti digital	Alat yang mengandungi sistem yang beroperasi dengan menggunakan angka atau aksara lain untuk mewakili data.
3. perpustakaan digital	Tempat seseorang dapat meminjam koleksi buku dan sumber pembelajaran lainnya secara digital.
4. buku bercetak	Helaian kertas berjilid yang berisi tulisan dan sebagainya untuk dibaca.
5. bahan pembelajaran	Sesuatu yang digunakan untuk tujuan proses belajar.
6. aplikasi video	Kegunaan sesuatu rakaman yang boleh ditayangkan.


ASPEK TATABAHASA
NOTA EKSPRES
Kata Adjektif

1. Kata adjektif ialah perkataan yang menerangkan sifat sesuatu kata nama atau frasa nama.
2. Kata adjektif terbahagi kepada beberapa jenis seperti yang berikut:
 - (a) **ukuran** – besar, lebar, pendek, panjang, nipis, tebal
 - (b) **sifatan/ keadaan** – sakit, sihat, baik, jahat, pandai, bijak
 - (c) **bentuk** – bulat, bujur, leper, segi tiga, lurus
 - (d) **waktu** – cepat, segera, baru, lewat
 - (e) **cara** – sopan, berhati-hati, cermat, kasar
 - (f) **jarak** – jauh, dekat, hampir, nyaris
 - (g) **perasaan** – sedih, gembira, pilu, kasihan
 - (h) **warna** – biru, merah, kuning, hijau
 - (i) **pancaindera** – lazat, pahit, masin, masam, cantik, hodoh

A Lengkapkan dialog di bawah ini dengan kata adjektif yang betul. SP
5.1.2

Azeem: Umar, adakah kamu bersetuju bahawa buku elektronik banyak kebaikannya kepada kita?

Umar: Ya, Azeem. Saya bersetuju dengan pernyataan kamu itu. Sebagai murid yang rajin membaca, saya sering mencari bahan bacaan menerusi Internet. Melalui Internet, saya dapat membeli buku-buku elektronik sebagai bahan bacaan saya. Oleh itu, saya tidak perlu ke perpustakaan awam yang terletak agak jauh dari rumah saya.

Azeem: Apakah kelebihan membaca buku-buku elektronik, Umar?

Umar: Buku-buku elektronik boleh dibaca melalui peranti digital seperti telefon pintar atau tablet. Dengan itu, saya tidak perlu membawa buku-buku fizikal yang kebiasaannya berat dan tebal. Selain itu, buku-buku ini juga boleh dibaca di mana-mana sahaja kita berada, misalnya semasa dalam perjalanan pulang ke kampung atau ke pusat beli-belah.

Azeem: Bagaimanakah kamu memilih buku-buku elektronik untuk dijadikan bahan bacaan?

Umar: Saya sering meminta pendapat daripada ibu dan ayah saya sebelum membeli buku-buku elektronik. Mereka akan memilih buku-buku elektronik yang berkualiti serta cantik grafik dan susunan reka letaknya. Selain itu, mereka turut membelikan saya beberapa buah buku elektronik Sains kerana saya lemah dalam mata pelajaran itu. Oleh itu, saya dapat membaca atau mengulang kaji pelajaran Sains supaya keputusan ujian saya bertambah baik.

Azeem: Saya pula lemah dalam mata pelajaran Matematik. Kalau begitu, saya juga hendak membeli buku-buku elektronik mata pelajaran tersebut sebagai bahan bacaan dan latihan.

Umar: Bagus, Azeem. Pada pendapat saya, tidak rugi sekiranya kita mengeluarkan wang untuk membeli buku-buku elektronik kerana hasilnya sangat berbaloi.

B Kelaskan jawapan yang diperoleh daripada soalan A mengikut jenis kata adjektif yang betul.
i-THINK Peta Dakap
KUIZ GAMIFIKASI 1

CETUS IDEA

Jenis Kata Adjektif

jarak	{ <u>jauh</u>
pancaindera	{ <u>cantik</u>
ukuran	{ <u>berat, tebal</u>
sifatan	{ <u>rajin, pintar, lemah, baik</u>

UNIT 4

MODUL PBD

TEMA 2: Menimba Ilmu

Ilmu Penyuluhan Hidup

Buku Teks: m.s. 21 – 26



KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

Dengar bahan yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, berikan maksud istilah dan ungkapan yang berhuruf tebal. **SP**
1.2.1

TRACK 2



Bak Padi Berisi, Semakin Tunduk


Bagai padi semakin berisi, semakin tunduk,
begitulah engkau murid bijaksana,
ilmu menggunung tinggi di dada,
namun **rendah hati** tidak pernah lupa.

Seperti pohon berbuah lebat,
akademikmu gemilang **mencakar langit**,
namun akhlakmu lembut bak sutera,
sahsiah terpuji menawan jiwa.

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung,
kauhargai setiap ilmu dengan budi yang **agung**,
setiap langkahmu penuh hemah,
menghormati guru, menyantuni rakan.

Tak pernah lupa asal usul,
walau pencapaianmu tak terkira,
seperti aur dengan tebing,
membantu rakan seiring sejalan.

Moga dirimu terus berjaya,
cemerlang di dunia, mulia di akhirat sana.



Tema 2

eP+ PRAKTIS EKSTRA

Istilah/ Ungkapan	Maksud
1. rendah hati	sikap tidak berasa diri lebih baik atau lebih tinggi daripada orang lain, meskipun memiliki kemampuan, pencapaian, atau kelebihan
2. mencakar langit	menggambarkan sesuatu yang tinggi
3. sahsiah	keperibadian atau peribadi
4. di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung	mematuhi peraturan dan sebagainya di tempat yang didiami
5. agung	tertinggi
6. seperti aur dengan tebing	menggambarkan hubungan yang sangat erat dan saling membantu antara dua pihak

**Lengkapkan perenggan di bawah ini dengan ayat yang betul.**SP
3.3.1

- Oleh itu, kita perlulah menuntut ilmu dan memanfaatkan ilmu itu untuk kebaikan diri sendiri dan masyarakat keseluruhannya.
- Teknologi moden yang kita nikmati hari ini ialah hasil daripada penyelidikan dan penemuan ilmiah.
- Dengan pengetahuan tentang isu-isu sosial, ekonomi, dan alam sekitar, masyarakat dapat membuat keputusan yang lebih baik dalam merancang dan melaksanakan dasar-dasar.
- Ilmu memainkan peranan yang besar dalam membentuk masyarakat dan memajukan negara.
- Dengan memiliki ilmu, seseorang dapat memahami dunia dengan baiknya dan membuat keputusan yang bijak dalam sesuatu hal.

Kepentingan Ilmu Pengetahuan dalam Kehidupan

Ilmu pengetahuan merupakan aspek yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Ilmu memainkan peranan yang besar dalam membentuk masyarakat dan memajukan negara. Kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan dapat dilihat daripada pelbagai aspek, termasuklah pembangunan peribadi, kemajuan teknologi, dan kesejahteraan masyarakat.

Ilmu pengetahuan dapat membantu pembangunan peribadi. Dengan memiliki ilmu, seseorang dapat memahami dunia dengan baiknya dan membuat keputusan yang bijak dalam sesuatu hal. Sebagai contoh, seseorang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang perubatan akan dapat memahami cara menjaga kesihatan diri dan mencegah penyakit. Tegasnya, ilmu pengetahuan dapat membuka peluang untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam pelbagai bidang, seterusnya menyumbang kepada kejayaan dalam kerjaya dan kehidupan.

Selain itu, ilmu pengetahuan turut memainkan peranan penting dalam kemajuan teknologi. Teknologi moden yang kita nikmati hari ini ialah hasil daripada penyelidikan dan penemuan ilmiah. Sebagai contoh, kemajuan dalam bidang teknologi maklumat telah memudahkan komunikasi dan akses kepada maklumat, manakala inovasi dalam bidang perubatan telah meningkatkan kualiti hidup manusia. Ringkasnya, ilmu pengetahuan ialah asas kepada perkembangan teknologi yang membawa kepada kemajuan dan kesejahteraan masyarakat.

Seterusnya, ilmu pengetahuan juga memberikan kesan yang besar terhadap kesejahteraan masyarakat. Dengan pengetahuan tentang isu-isu sosial, ekonomi, dan alam sekitar, masyarakat dapat membuat keputusan yang lebih baik dalam merancang dan melaksanakan dasar-dasar. Sebagai contoh, pengetahuan tentang perubahan iklim dan kesan terhadap alam sekitar telah mendorong pelbagai usaha untuk memulihara sumber-sumber semula jadi demi kebaikan generasi akan datang. Tegasnya, ilmu pengetahuan sangat mempengaruhi kesejahteraan masyarakat di negara kita.

Kesimpulannya, ilmu pengetahuan bukan sahaja membantu pembangunan peribadi dan kemajuan teknologi, tetapi juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, kita perlulah menuntut ilmu dan memanfaatkan ilmu itu untuk kebaikan diri sendiri dan masyarakat keseluruhannya. Dengan pengetahuan yang tepat, kita dapat menghadapi cabaran dan membina masa depan yang lebih cerah dan sejahtera.

**JOM**

ULANG KAJI

A Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kerja-kerja _____ ditambah baik bagi memastikan bekalan air sentiasa mencukupi agar tanaman padi membawa hasil yang terbaik.
A perairan
B pengairan
C penyaliran
D pengaliran
2. Pemimpin itu disanjung oleh segenap lapisan masyarakat kerana sering memberikan _____ semasa penduduk ditimpa masalah.
A bantuan
B hantaran
C tekanan
D desakan
3. Para _____ perlu meningkatkan daya saing syarikat masing-masing supaya dapat mengembangkan perniagaan mereka pada peringkat antarabangsa.
A karyawan
B usahawan
C sasterawan
D budayawan
4. Tugu Peringatan Negara dibina dengan tujuan untuk memperingati jasa dan pengorbanan para _____ negara.
A perajurit
B pembela
C pengetua
D pramugara
5. Murid-murid tingkatan dua dibawa oleh guru ke _____ untuk menyertai program Cabaran Eksplorasi Sains.
A Zoo Negara
B Muzium Negara
C Stadium Negara
D Pusat Sains Negara
6. Sebelum aktiviti berkayak itu bermula, Cikgu Hilman memberikan _____ tentang langkah-langkah keselamatan.
A pidato
B ucapan
C taklimat
D ceramah

B Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini dengan kata kerja transitif yang betul.

menyerikan

membincangkan

menceritakan

menyiasat

mengesyorkan

1. Ahli-ahli Persatuan Sejarah _____ usul mesyuarat yang telah dibentangkan oleh setiausaha persatuan.
2. Kehadiran ahli keluarga dan rakan-rakan ke Majlis Hari Lahir Helmi telah _____ majlis itu lagi.
3. Pihak polis sedang _____ kejadian rompakan di pasar raya itu yang berlaku awal pagi tadi.
4. Ziana _____ kejadian kemalangan jalan raya yang dilihatnya semasa pergi ke sekolah awal pagi tadi.
5. Cikgu Naufal _____ murid-muridnya agar menyertai Kem Motivasi UASA yang akan berlangsung pada cuti persekolahan nanti.

MODUL UASA

SISTEM BAHASA

76 – 95

PEMAHAMAN

96 – 116

BAHAGIAN A

⚡ Pemahaman Petikan

BAHAGIAN B

⚡ Pemahaman Petikan

⚡ Novel

PEMINDAHAN MAKLUMAT

117 – 123

BAHAGIAN C

⚡ Ringkasan

⚡ Rumusan

KARANGAN

124 – 142

BAHAGIAN A

⚡ Karangan Respons Terhad

BAHAGIAN B

⚡ Karangan Respons Terbuka

Latihan
ke Arah
Kecemerlangan





SISTEM BAHASA

NOTA EKSPRES

Sistem Bahasa

- Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Sistem Bahasa terdapat dalam Soalan Kertas 1 (02/1), Ujian Bertulis (Pemahaman), Bahagian A dan Bahagian B.
- Dalam **Bahagian A**, sebanyak **10 soalan** diberikan. Semua soalan tersebut berbentuk objektif aneka pilihan (OAP).
- Dalam **Bahagian B**, sebanyak **4 soalan** diberikan. Semua soalan tersebut berbentuk objektif pelbagai bentuk (OPB).
- Antara soalan yang dikemukakan dalam kedua-dua bahagian ialah aspek morfologi, frasa, sintaksis, dan peribahasa.
- Murid dikehendaki supaya menjawab semua soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B.

PRAKTIS 1 Kata Ganti Nama Diri

NOTA EKSPRES

Kesalahan Lazim Kata Ganti Nama Diri

- Murid menyalahgunakan kata ganti nama **ia** untuk binatang.
Contoh:
 Kucing itu mengia kerana **ia** kelaparan.
 Kucing itu mengia kerana kelaparan.
- Murid menjarakkan kata ganti nama diri singkat **ku**, **mu**, dan **kau** dengan kata yang menyertainya.
Contoh:
(a) Novel itu masih ada pada **ku**.
 Novel itu masih ada padaku.
(b) Baju batik memang untuk **mu**.
 Baju batik ini memang untuk**mu**.

BAHAGIAN A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

- | | |
|--|---|
| 1. "Pasukan hoki sekolah _____ layak ke peringkat akhir setelah menewaskan juara bertahan," kata Aiman kepada Daniel.
A kita C patik
B kami D kalian | 4. Encik Lay mengingatkan semua pekerja bahawa _____ perlu bekerja dengan gigihnya untuk mencapai sasaran syarikat yang telah ditetapkan.
A saya C beliau
B kalian D mereka |
| 2. "_____ mestilah menyiapkan kerja sekolah Bahasa Melayu yang diberikan ini semasa cuti sekolah nanti," kata Cikgu Hafiz kepada murid-muridnya.
A Kita C Kalian
B Saya D Engkau | 5. Dalam mesyuarat itu, _____ bersetuju bahawa Hari Kantin akan diadakan pada pertengahan bulan April.
A kami C patik
B anda D kalian |
| 3. Cikgu Fatimah memberitahu ketua kelas supaya memantau keadaan kelas kerana _____ akan berkursus selama dua hari di bandar.
A kami C beliau
B kamu D mereka | 6. "_____ perlu berfikir masak-masak sebelum membuat sesuatu keputusan yang penting," pesan Puan Nisa kepada anak perempuannya.
A Dia C Kamu
B Anda D Tuan hamba |



PEMAHAMAN

NOTA EKSPRES

Pemahaman

- Dalam **Bahagian A**, terdapat soalan pemahaman petikan, iaitu **satu petikan** berserta **5 soalan** objektif aneka pilihan (OAP) diberikan. Murid perlu membaca petikan dengan teliti, kemudian menjawab soalan-soalan yang berikutnya.
- Dalam **Bahagian B**, terdapat soalan pemahaman petikan dan novel. Semua soalan berbentuk subjektif respons terhad.
- Bagi soalan pemahaman petikan, dua atau tiga bahan berserta **3 soalan** diberikan.
- Bagi soalan novel pula, **1 soalan** diberikan.

TUTORIAL



Pemahaman Petikan

BAHAGIAN A

Pemahaman Petikan

PRAKTIS 1 Prosa Tradisional – Pelanduk Mengajar Memerang

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Sebermula adalah suatu hari Syah Alam di Rimba pergi berjalan menatapi sekalian anak buah di dalam pemerintahannya. Berjumpalah ia suatu lubang tempat memerang, ada anaknya tujuh ekor. Anak memerang itu pun keluarlah daripada lubangnya bermain-main di situ. Syah Alam di Rimba pun datang menghampiri seraya bertanya, "Hai kanak-kanak, ke manakah pergi mak bapa kamu?"

Sahut anak memerang itu, "Mak bapa hamba sudah mencari ikan akan makanan hamba sekalian ini."

Fikir Syah Alam Rimba, "Itulah akan memerang ini, selalu sahaja ia membuat aninya ke atas ikan-ikan itu, terlalu runsing hatiku mendengar pengaduannya kepada Nabi Allah Sulaiman, jikalau begitu; baiklah aku perbuat pakatan dengan dia."

Setelah sudah ia fikir itu, dengan takdir Allah Subhanahuwataala melakukan kudrat-NYA hendak memanjangkan cerita ini, bunyilah burung bubut terlalu banyak bunyinya bersahut-sahutan sahaja. Syah Alam di Rimba pun mengingatkan langkah pertikaman zaman dahulu kala cekak perkelahian. Ia pun memencak silat langkah gelombang dua belas, mengerinjing sahaja kakinya ke sana ke mari. Habislah dipijak-pijak anak memerang itu, ada yang patah kaki tangannya dan luka kepalanya, habis mati semuanya. Setelah dilihat oleh Syah Alam di Rimba mati anak memerang itu, ia pun kembalilah ke tempatnya berdiam dirinya.

(Dipetik daripada prosa tradisional "Pelanduk Mengajar Memerang", antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- Berdasarkan petikan, rangkai kata *memanjangkan cerita* membawa maksud?
 - A Menyampaikan kisah
 - B Menyembunyikan kisah
 - C Menjadikan banyak kisah
 - D Menambah-nambah berita
- Ia pun memencak silat langkah gelombang dua belas, mengerinjing sahaja kakinya ke sana ke mari.

- Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah bandingan semacam yang sesuai?
- A Keras macam batu
 - B Bijak seperti kancil
 - C Berani macam singa
 - D Angkuh macam merak

3. Yang berikut ialah perwatakan ibu dan bapa memerang, **kecuali**
- A rajin.
 B pendendam.
 C penyayang.
 D bertanggungjawab.
4. Apakah yang ditemukan oleh Syah Alam di Rimba semasa berjalan-jalan di kawasan pemerintahannya?
- A Ikan-ikan di dalam sungai
 B Anak memerang yang sedang tidur
- C Tempat kediaman keluarga memerang
 D Ibu memerang sedang mencari makanan
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang punca kematian anak memerang tersebut.
- A Diserang oleh musuh
 B Lemas di dalam sungai
 C Dimakan oleh binatang buas
 D Dipijak oleh Syah Alam di Rimba

PRAKTIS 2 Cerpen – Banjir di Mata Emak

Baca bahan di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Adakah kedai yang masih dibuka dalam keadaan banjir telah **melepas** paras tingkap rumah tingkat bawah, seperti yang saya lihat di kaca televisyen? Lebih buruk lagi, banjir kali ini telah *menelan dua nyawa*. Tapi adunya tadi, dia tidak turun ke dapur atau ke mana-mana.

“Mak takut ular.”

Getar suaranya **menggegarkan** perasaan. Kalau dia takut hendak turun, tentu dia tidak pergi ke kedai. Tapi katanya tadi, makanan sudah habis. Jiran-jiran semua sudah berpindah ke pusat pemindahan. Cuma dia seorang yang tidak pergi. Kenapa begitu?

Saya langsung tidak berkesempatan menyampaikan **lanjut**. Mungkinkah dia sedang menunggu kedatangan anak lelakinya? Tetapi katanya, sudah tiga bulan anak lelakinya tidak menelefon bertanyakan khabar, apalagi pulang **menjenguk**.

Ke mana perginya tubuh yang menyimpan suara tua itu dalam banjir begini? Saya mendail sekali lagi, menunggu ke hujung deringan. Dia menjawab termengah-mengah. Juga masih tidak memberi ruang kepada saya.

“Mak solat zuhur tadi. Jangan bimbang tentang mak. Ikan kering ada, **cabai** kering pun ada. Kalau habis semua tu, mak makan nasi dengan garamlah. Jaga anak dengan suami kau baik-baik, assalamualaikum.”

GLOSARI

- **melepas** – melebihi
- **menggegarkan** – menggoncangkan
- **lanjut** – jauh
- **menjenguk** – menziarahi
- **cabai** – cili

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen “Banjir di Mata Emak”, antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1. Apakah maksud frasa *menelan dua nyawa*?

- A Dua orang terkorban
 B Dua orang bersabung nyawa
 C Dua orang dapat diselamatkan
 D Dua orang telah dipindahkan

2. “Mak takut ular.”

Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah bandingan semacam yang sesuai?

- A Adil seperti raja
 B Garang seperti singa
 C Gelap seperti malam
 D Takut seperti tikus

3. “Mak solat zuhur tadi. Jangan bimbang tentang mak...”

Apakah gaya bahasa yang terdapat dalam petikan di atas?

- | | |
|-----------|-----------------|
| A Simile | C Hiperbola |
| B Sinkope | D Personifikasi |

4. Yang berikut merupakan sebab penulis begitu prihatin terhadap wanita tua itu, **kecuali**

- A keadaan banjir yang semakin teruk.
 B memahami masalah yang dihadapinya.
 C talian telefon itu sudah terputus.
 D wanita tua itu tinggal keseorangan dan diabaikan oleh anak-anaknya.

BAHAGIAN B**Pemahaman Petikan****PRAKTIS 1**

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

"Tapai merupakan sejenis makanan tradisional yang dibuat daripada beras pulut atau ubi kayu. Beras pulut atau ubi kayu ini hendaklah dikukus terlebih dahulu. Kemudian, dicampurkan dengan **ragi**. Selepas itu, pulut atau ubi yang telah dicampurkan dengan ragi itu dibungkus dengan daun pisang. Setelah disimpan dan diperam selama tiga hari, tapai itu akan masak dan barulah boleh dimakan. Bagi masyarakat dahulu, mereka dilarang untuk makan sirih ketika membuat tapai. Sekiranya **pantang larang** ini dilanggar, tapai yang dihasilkan akan berwarna merah."

Bahan 2

Izzah: Bagaimanakah cara memasak **burasak**, nenek?

Nenek: Oh, senang sahaja, Izzah! Mula-mula sediakan bahan-bahannya, iaitu beras wangi, santan, daun pandan, garam, dan daun pisang yang telah dilayur.

Izzah: Selepas itu, apakah yang perlu dibuat?

Nenek: Cuci beras wangi seperti biasa dan airnya **ditusukan**. Kemudian panaskan santan serta daun pandan. Setelah mendidih, masukkan beras dan kacau hingga santan pekat. Setelah nasi separuh masak, masukkan garam, kacau kemudian angkat.

Izzah: Setelah nasi sejuk, bungkus dengan daun pisang dan rebus selama dua hingga tiga jam.

Nenek: Pandai pun cucu nenek.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 2*, Kementerian Pendidikan Malaysia)

GLOSARI

- **ragi** – bahan yang dibuat daripada beras dan lain-lain dan digunakan untuk membuat tapai
- **pantang larang** – perbuatan yang dilarang melakukannya menurut adat atau kepercayaan
- **burasak** – sejenis makanan daripada beras yang dibungkus dengan daun pisang muda
- **ditusukan** – air yang ada pada sesuatu yang dibasuh dibiarkan menitik keluar

1. Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan cara membuat tapai dan burasak.

tapai – pulut atau ubi kayu yang digaul dengan ragi – dibungkus dengan daun pisang dan diperam selama tiga hari - burasak – beras, santan, dan garam – beras ditanak hingga separuh masak lalu dimasukkan santan dan garam – dibungkus dengan daun pisang dan direbus semula selama tiga jam sebelum dimakan

2. Berikan **dua** persamaan antara tapai dengan burasak seperti yang dinyatakan dalam kedua-dua bahan tersebut.

– kedua-dua kuih ini dibuat menggunakan beras pulut
– daun pisang digunakan untuk membungkus kuih ini sebelum diperam atau direbus

3. Kuih tradisional bukan sahaja sedap, malah baik untuk kesihatan. Berikan pendapat anda tentang kebaikan kuih tradisional berbanding dengan kuih kontemporari kini.
- KBAT** Menilai
- kuih-kuih tradisional menggunakan bahan yang asli dan tidak menggunakan pewarna tiruan – pewarna semula jadi daripada tumbuhan menghasilkan bau yang wangi – kuih-kuih moden biasanya menggunakan bahan pewarna, perisa, dan pengawet tiruan yang dapat mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan.

PRAKTIS 2

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

SARIKEI, 1 Jun – Kemeriahan sambutan perayaan Gawai Dayak yang bermula malam tadi bertukar **tragedi** bagi hampir 100 penghuni sebuah rumah panjang di sini apabila kediaman mereka musnah dalam kebakaran petang tadi.

Kebakaran kira-kira jam enam petang itu berlaku ketika penghuni Rumah Panjang Benan, Sungai Mugu di Muara Payang di sini, sibuk membuat persiapan untuk sambutan perayaan berkenaan. Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak, Farhan Sufyan Borhan, berkata pihaknya menerima panggilan pada jam 6:21 petang.

Beliau berkata, tujuh anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat **dikerahkan** ke tempat kejadian dengan menaiki bot yang memerlukan masa perjalanan lebih sejam dari Sarikei.

"Anggota bomba menghadapi **kesukaran** menempuh perjalanan menaiki bot menyusuri sungai dalam keadaan gelap. Setakat ini difahamkan tiada sebarang kecederaan yang dilaporkan, namun kami masih menunggu maklumat lanjut daripada anggota bomba di lokasi," katanya.

Sementara itu, Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Masyarakat berkata, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarikei sudah diarahkan untuk **menghulurkan** bantuan kepada mangsa.

Bahan 2





Novel

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 2**.

TUTORIAL



Novel Meniti
Impian

CETUS IDEA



- (i) Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi
- (ii) Meniti Impian, karya Osman Ayob
- (iii) Jejak MONPUS, karya Zulaiha Paikon
- (iv) Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

PRAKTIK 1


Berdasarkan novel yang telah anda kaji, tulis **tiga** kelebihan watak utama dalam novel tersebut.

KELEBIHAN WATAK UTAMA			
Sejambak Bakti	Pelari Muda	Formula Termodinamik	Destinasi Impian
Watak utama: Laiman Tegas; Gigih; Berani	Watak utama: Zahar Tegas; Gigih; Bertanggungjawab	Watak utama: Zahar Bijak; Gigih; Berani	Watak utama: Datuk Bahaman Berani; Prihatin; Pegangan agama yang kuat

Sila rujuk bahagian jawapan

PRAKTIK 2

Berdasarkan novel yang telah anda kaji, jelaskan contoh peristiwa yang dapat menyokong tema novel yang telah ditetapkan.



Sila rujuk bahagian jawapan



PEMINDAHAN MAKLUMAT

NOTA EKSPRES

Pemindahan Maklumat

- Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Pemindahan Maklumat terdapat dalam Soalan Kertas 1 (02/1), Ujian Bertulis (Pemahaman) dan merupakan soalan subjektif respons terhad.
- Terdapat **satu** soalan dikemukakan, iaitu sama ada soalan **Ringkasan** atau **Rumusan**.
- Markah yang diperuntukkan bagi bahagian ini ialah 15 markah.
- Murid wajib menjawab soalan tersebut.

BAHAGIAN C

Ringkasan

TUTORIAL



Ringkasan

NOTA EKSPRES

- Dalam aspek ringkasan, suatu petikan umum yang panjangnya kira-kira 250 hingga 300 patah perkataan diberikan.
- Murid diminta untuk meringkaskan petikan tersebut tidak melebihi 100 patah perkataan.
- Dalam penulisan ringkasan, murid perlu mengemukakan sekurang-kurangnya lima isi penting. Murid mestilah menjawab dalam satu perenggan dengan ayat yang gramatis.

i PANDUAN MENULIS RINGKASAN

1. Memahami petikan dan kehendak soalan

- Membaca keseluruhan petikan dan fahami maksud keseluruhan petikan tersebut.
- Cari kata kunci yang dinyatakan dalam arahan soalan. Contoh: *Tulis sebuah ringkasan tentang punca-punca penderaan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat.*

2. Menulis ringkasan

- Gariskan isi-isi penting dalam petikan.
- Berdasarkan isi-isi penting tersebut, binalah ayat-ayat anda sendiri.
- Setiap isi penting itu ditulis dalam satu ayat sahaja.

- Ayat-ayat yang digunakan hendaklah ringkas, tepat, dan padat.

- Pemilihan kata yang tepat, ejaan, dan tanda baca yang betul berserta dengan penanda wacana yang sesuai akan menghasilkan penulisan ringkasan yang baik.

3. Menyemak ringkasan

- Semak penulisan ringkasan setelah selesai menulis.
- Buat pembetulan terhadap sebarang kesalahan tatabahasa, ejaan, dan tanda baca jika ada.
- Pastikan panjang ringkasan tidak melebihi 100 patah perkataan.

MODEL RINGKASAN

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **punca-punca penderaan kanak-kanak dalam masyarakat**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Isu penderaan kanak-kanak dalam masyarakat kita bukanlah suatu perkara baharu. Penderaan bermaksud perbuatan memukul dan menyakitkan atau perbuatan yang mendatangkan kecederaan fizikal terhadap kanak-kanak terbabit. Selain itu, perbuatan seksual seperti merogol, meliwat, dan mencabul kehormatan juga merupakan satu lagi kategori penderaan kanak-kanak yang sering dilaporkan.

Berbicara tentang isu ini, benak kita pasti diterjah oleh punca-punca yang memungkinkan gejala ini berlaku. Antara yang selalu diperkatakan adalah kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat itu sendiri tentang fenomena ini. Sikap tidak ambil peduli atau sikap "tidak apa", selain tidak mahu dikatakan sebagai menjaga tepi kain orang menyebabkan mereka hanya menutup mata apabila berhadapan dengan



isu penderaan kanak-kanak. Sikap ibu bapa yang menganggap anak-anak sebagai beban juga menjadi punca kes-kes penderaan. Kos sara hidup yang semakin meningkat menyebabkan perbelanjaan terhadap keperluan harian bertambah tinggi. Akibatnya, anak-anak dijadikan mangsa untuk melepaskan amarah atau mengurangkan tekanan yang tidak dapat dibendung lagi.

Begitu juga dengan sikap ibu bapa yang terlalu materialistik. Kesibukan mengejar kemewahan menyebabkan tanggungjawab menjaga anak-anak diserahkan bulat-bulat kepada pembantu rumah. Akibatnya, ada anak-anak yang didera oleh pembantu rumah sebagai tempat untuk melepaskan geram mereka kepada majikan. Faktor emosi ibu bapa yang tidak stabil juga merupakan antara punca perkara ini. Ibu bapa yang sentiasa sibuk dengan kerja atau menghadapi tekanan kerja yang melampau mudah hilang kawalan apabila berdepan dengan keranah anak-anak. Natijahnya, anak-anak didera dan dipukul sewenang-wenangnya.

Akhir sekali, ibu bapa atau golongan yang bermasalah dari segi mental turut berkecenderungan untuk mendera anak-anak. Pengalaman silam akibat didera sama ada secara fizikal atau seksual menyebabkan golongan ini menjadikan anak-anak sebagai mangsa. Secara keseluruhannya, isu penderaan kanak-kanak ini sememangnya amat serius dan perlu dibanteras.

(Dipetik dan diubahsuai daripada 'Penderaan Kanak-kanak', Dewan Siswa)

MODEL

RINGKASAN LENGKAP

Punca-punca penderaan kanak-kanak disebabkan sikap masyarakat yang kurang prihatin dan tidak mahu campur tangan dalam membendung fenomena ini. Selain itu, ada ibu bapa yang menganggap anak-anak membebarkan kehidupan mereka. Untuk melepaskan tekanan, anak-anak didera. Selain itu, keghairahan ibu bapa mengejar kemewahan juga menyebabkan ada anak-anak menjadi mangsa dera pembantu rumah. Seterusnya, emosi yang tidak stabil memungkinkan ibu bapa mudah hilang kawalan sehingga sanggup mendera anak-anak mereka. Di samping itu, golongan yang menghadapi masalah mental berkecenderungan untuk melakukan penderaan terhadap kanak-kanak.

Rumusan

NOTA EKSPRES

Rumusan

- Dalam bahagian ini, murid diminta untuk menulis rumusan yang panjangnya tidak melebihi 100 patah perkataan.
- Semasa menulis rumusan, murid hanya perlu menulis isi tersurat sahaja tanpa menulis isi tersirat.
- Murid perlu menulis rumusan dengan memasukkan sekurang-kurangnya lima isi penting. Tulis rumusan dalam satu perenggan dengan ayat yang gramatis.



PANDUAN MENULIS RUMUSAN

- Memahami petikan dan kehendak soalan**
 - Baca dan fahami keseluruhan petikan.
 - Kenal pasti isu yang dibincangkan dalam petikan tersebut, contohnya kebaikan mengamalkan gaya hidup sihat.
- Menulis rumusan**
 - Garisi isi-isi penting dalam petikan.
 - Tulis setiap ayat dalam satu perenggan sahaja.
 - Gunakan ayat yang ringkas, tepat, dan padat.
- Menyemak rumusan**
 - Semak rumusan secara keseluruhan setelah selesai menulis.
 - Perbetulkan kesalahan tatabahasa, ejaan, dan tanda baca.
- Pastikan panjang rumusan** tidak melebihi 100 patah perkataan.

TUTORIAL



Rumusan



KARANGAN

NOTA EKSPRES

Karangan

- Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Karangan terdapat dalam Soalan Kertas 2 (02/2), Ujian Bertulis (Penulisan).
- Terdapat dua bahagian soalan Karangan, iaitu:
 - Bahagian A – soalan karangan subjektif respons terhad
 - Bahagian B – soalan karangan subjektif respons terbuka
- Bagi Bahagian A, satu soalan dikemukakan. Murid mesti menjawab soalan ini.
- Bagi Bahagian B, tiga soalan dikemukakan. Murid mesti menjawab satu soalan sahaja.
- Markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi bahagian ini ialah 40 markah, iaitu Bahagian A: 10 markah, manakala Bahagian B: 30 markah.
- Tempoh ujian bagi soalan karangan ialah 1 jam 30 minit.

BAHAGIAN A

Karangan Respons Terhad

NOTA EKSPRES

- Soalan karangan respons terhad dikemukakan dalam pelbagai bentuk seperti rangkai kata yang mengandungi frasa idea, iklan, poster, gambar yang mengandungi frasa idea, dan sebagainya.
- Panjang karangan yang perlu ditulis adalah antara 50 hingga 80 patah perkataan.
- Murid dicadangkan supaya menulis karangan pendek ini dalam masa 15 minit sahaja.
- Murid dikehendaki untuk memahami maklumat dan menulis karangan berdasarkan maklumat yang diberikan.
- Baca kata kunci soalan agar murid memahami kehendak soalan.
- Murid harus menulis frasa idea yang diberikan dengan mengembangkannya dalam bentuk perenggan.
- Pendahuluan harus ditulis dalam ayat yang ringkas dan padat serta terdiri kira-kira 10 hingga 15 patah perkataan.
- Isi-isi yang dikemukakan hendaklah ada gabung jalin dengan penggunaan penanda wacana, jelas, menarik, dan matang.
- Murid hendaklah menulis penutup atau kesimpulan yang menggambarkan idea keseluruhan. Penutup atau kesimpulan ditulis sebaik-baiknya 8 hingga 15 patah perkataan.
- Pastikan tidak ada kesalahan ejaan dan tanda baca.

MODEL

KARANGAN RESPON TERHAD

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

TUTORIAL



Karangan Pendek

Kesan-kesan

pemanasan global

terhadap alam sekitar

VIDEO



Pemanasan Global

Kemusnahan flora	<ul style="list-style-type: none"> banyak tumbuhan mati cuaca semakin panas
Kemusnahan fauna	<ul style="list-style-type: none"> banyak haiwan mati manusia kurang sumber makanan
Glasier mencair	<ul style="list-style-type: none"> meningkatkan aras laut sesetengah kawasan akan tenggelam
Kemarau yang panjang	<ul style="list-style-type: none"> pembentukan awan tidak berlaku udara menjadi kering

(Pendahuluan) Kini, isu pemanasan global menjadi perhatian masyarakat seluruh dunia. Terdapat pelbagai kesan pemanasan global terhadap alam sekitar. **(Isi/Idea + Huraian + Contoh)** Antara kesannya ialah pemanasan global menyebabkan kemasuhan flora. Pokok-pokok mati kerana cuaca panas yang melampau. Natijahnya, alam sekitar semakin panas. Selain itu, pemanasan global menyebabkan kemasuhan fauna kerana kekurangan habitat. Ikan-ikan semakin berkurangan kerana air semakin panas. Impaknya, manusia kekurangan makanan. Di samping itu, pemanasan global menyebabkan glasier mencair yang meningkatkan aras laut. Hal ini akan menyebabkan kejadian banjir besar dan menenggelamkan kawasan-kawasan rendah. Seterusnya, pemanasan global menyebabkan kemarau yang panjang. Hal ini dikatakan demikian kerana pembentukan awan untuk menurunkan hujan tidak berlaku. Akibatnya, udara menjadi kering. **(Penutup)** Kesimpulannya, pemanasan global harus dipandang serius oleh semua pihak demi meningkatkan kesejahteraan masyarakat dunia.

PRAKTIS

PRAKTIS 1

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

Manfaat Teknologi Maklumat kepada Remaja

teknologi maklumat semakin penting – memperluas pengetahuan – maklumat di hujung jari – meneroka pelbagai ilmu – mematangkan fikiran – meluaskan pergaulan – serata dunia – mengembangkan bakat dan potensi – menggunakan platform di Internet – mempamerkan bakat – harus menggunakan teknologi maklumat secara bijaksana

Mutakhir ini, teknologi maklumat semakin penting dalam kehidupan remaja kerana banyak manfaatnya. Teknologi maklumat mampu memperluas pengetahuan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana segala maklumat berada di hujung jari. Di samping itu, teknologi maklumat juga mampu mematangkan fikiran remaja. Mereka dapat meneroka pelbagai bidang ilmu dengan mudahnya. Selain itu, mereka juga boleh meluaskan pergaulan mereka dengan menjalankan silaturahim dengan rakan-rakan dari serata dunia. Seterusnya, teknologi maklumat juga mampu mengembangkan bakat dan potensi remaja. Mereka boleh menggunakan platform di Internet untuk mempamerkan bakat mereka. Kesimpulannya, banyak manfaat penggunaan teknologi maklumat. Namun begitu, remaja haruslah memanfaatkan teknologi maklumat secara bijaksana.

PRAKTIS 2

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

Kesan Penggunaan Rokok Elektronik kepada Murid

rokok elektronik dalam kalangan murid – semakin berleluasa – ibu bapa sukar mengesannya – banyak kesan negatif – menjelaskan kesihatan – cecair rokok elektronik mengandungi nikotin – merosakkan paru-paru dan jantung – bahan perisa – ketagihan – berasa gelisah – terdedah kepada risiko kecederaan – alat rokok elektronik meletup – tidak fokus kepada pelajaran – isu ini perlu ditangani – sebelum nasi menjadi bubur

PRAKTIS

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

CINTAI & SAYANGI ALAM SEKITAR

Mengapakah rakyat Malaysia perlu memelihara alam sekitar?

- Menjamin bekalan sumber makanan
- Daya tarikan para pelancong
- Menjamin keseimbangan alam
- Dapat menyedut udara yang segar
- Mengelakkan pembiakan vektor pembawa penyakit

Elakkan
daripada
melakukan

- Pencemaran sungai
- Pembakaran terbuka
- Pembalakan haram
- Penggunaan racun dalam aktiviti pertanian

1. Pada masa ini, pencemaran sungai semakin membimbangkan masyarakat.

Bincangkan punca-punca berlakunya pencemaran sungai di Malaysia.

2. Baru-baru ini, anda sekeluarga bercuti di sebuah kawasan perkelahan yang indah dan menarik.

Tulis pengalaman anda sepanjang percutian tersebut.

3. Anda telah menyertai suatu pertandingan pidato peringkat sekolah. Tajuk pidato tersebut ialah "Kepentingan Menjaga Alam Sekitar".

Tulis teks pidato anda selengkapnya.

Sila rujuk bahagian jawapan

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

KERTAS 1 (02/1)

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Skor

/60

1 jam 30 minit

Bahagian A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Encik Hisham mengusahakan _____ tanah peninggalan arwah bapanya sejak tiga tahun lalu.
A sebiji
B sebuah
C sederet
D sebidang
2. “_____ seharusnya berusaha dengan gigihnya jika hendak bergelar murid cemerlang,” kata Cikgu Nizam kepada anak-anak muridnya.
A Kita
B Awak
C Kamu
D Kalian

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

3. I Puan Ella menegur anaknya, Hizam kerana bercakap dan berkelakuan *kasar*.
 II Kraf tangan yang dibeli oleh Puan Zurailah tahan lama, namun *kasar* buatannya.
 III Tuan Akmal membentangkan keuntungan *kasar* yang diperoleh oleh syarikatnya.
 IV Nenek Tijah memasang kelambu yang dibuat daripada kain *kasar* untuk cucu-cucunya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I Air yang bertakung di atas jalan raya itu telah kering *disekat* oleh bahang matahari.
 II Ruang tamu yang besar di rumah Encik Halim itu *disekat* menjadi beberapa buah bilik kecil.

- III Usaha pantas pihak kerajaan telah menyebabkan penyakit berjangkit itu dapat *disekat* secara menyeluruh.
- IV Penjualan produk kosmetik itu *disekat* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kerana mengandungi bahan kimia berbahaya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada **A**, **B**, atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

5. Didikan agama yang kukuh perlu ibu bapa berikan kepada anak-anak supaya mereka memiliki sahsiah yang terpuji.
A ibu bapa diberikan
B ibu bapa memberikan
C diberikan oleh ibu bapa
D ibu bapa berikan
6. Zailan dan Hisyam saling balas-membalas e-mel untuk berbincang tentang mata pelajaran Sains dan Matematik.
A membala
B saling membala
C saling berbalas-balas
D saling balas-membala

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Faizal dan Khairi saling pandang-memandang ketika mendengar berita yang mengejutkan itu.
 II Saufi menggunakan teleskopnya untuk melihat bintang yang bertaburan di angkasa.

11. Berdasarkan petikan, rangkai kata *mencurahkan isi hati* membawa maksud
- A** berbual-bual kosong.
B meluahkan perasaan.
C menzahirkan rasa marah.
D memendam rasa dalam hati.

12. Seperti saya yang terburu-buru mendail nombor rumah teman yang baru diberikan pagi tadi, suara tua itu juga pantas mengatur kata, selaku jejari saya salah menekan nombor rumahnya.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah bandingan semacam yang sesuai?

- A** Lancar macam air
B Licin macam belut
C Hangat macam api
D Kuat macam badang

13. "Terima kasihlah. Nana telefon juga, tanya khabar mak."

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah nilai yang paling tepat dengan pernyataan tersebut?

- A** Baik hati **C** Kegigihan
B Kebijaksanaan **D** Kesukuran

14. Yang manakah **bukan** merupakan rintihan "mak" dalam perbualan telefon itu?
- A** Penjual roti tidak datang
B Nana tidak pulang ke rumah
C Anak lelaki tidak menziarahinya
D Penjual ikan sudah tiga hari tidak datang

15. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan?
- A** "Mak" tidak mahu meluahkan isi hatinya kepada anaknya, Nana.
B "Mak" menyangka bahawa anaknya, Nana yang menghubunginya.
C Rumah yang didiami oleh "mak" dilanda ribut petir sejak beberapa hari yang lalu.
D Penulis mengetahui gerangan empunya suara tua tersebut dan tempat tinggalnya.

Bahagian B

[30 markah]

1. Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

Gerai Makanan Persatuan Bahasa Melayu

Makanan	Harga	Pencuci Mulut	Harga
❖ Mee goreng	RM3.00	❖ Aiskrim Malaysia	RM1.00/ sebatang
❖ Mihun goreng	RM3.00	❖ Kek cawan	
❖ Nasi ayam	RM4.50	◆ Cokelat	RM2.50/ 5 biji
❖ Nasi tomato	RM4.50	◆ Vanilla	RM2.50/ 5 biji

Jangan lepaskan peluang.
Silalah datang ke gerai kami.



(i) Mee goreng – Mi goreng

(ii) Cokelat – Coklat

[2 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Amaran keras telah pihak polis berikan kepada kutu rayau itu supaya tidak mengulangi perbuatan tersebut lagi.

pihak polis berikan – diberikan oleh pihak polis

- (ii) Kehadiran orang ramai semasa sambutan Hari Kemerdekaan 2025 di Dataran Putrajaya telah memeriahkan lagi upacara tersebut.

memeriahkan lagi upacara tersebut – memeriahkan upacara tersebut lagi

[2 markah]



KERTAS 2 (02/2)

Arahan: Jawab soalan dalam **Bahagian A** serta **satu** soalan daripada **Bahagian B**.

Skor

/40

1 jam

Bahagian A

[10 markah]

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50** hingga **80** patah perkataan.

Sambutan Hari Kemerdekaan 2025

ayah menempah bilik hotel lebih awal – selepas solat subuh – pengunjung mula berkumpul – menyaksikan ketibaan tetamu kehormat – menyaksikan persembahan dan acara perbarisan – pengunjung mengibarkan Jalur Gemilang – rakyat berbilang bangsa meraikan hari bertuah itu

Pada 31 Ogos 2025, saya dan keluarga menyambut Hari Kemerdekaan di Putrajaya. Kami ke sana sehari sebelum sambutan diadakan. Ayah menempah bilik hotel lebih awal. Kami pergi ke tempat pengunjung berkumpul selepas solat subuh. Pada waktu itu, para pengunjung sudah mula membanjiri sepanjang jalan acara tersebut diadakan. Pada pukul 8:00 pagi, acara dimulakan dengan menyaksikan ketibaan tetamu kehormat. Seterusnya, pengunjung dapat menyaksikan persembahan oleh angkatan tentera dan acara perbarisan oleh pelbagai jabatan dan agensi. Saya sangat gembira melihat pengunjung mengibarkan Jalur Gemilang. Rakyat negara ini yang berbilang bangsa bersama-sama meraikan hari bertuah itu.
